

20 SEP 1997

CADANGAN KAWALAN RAPI TERHADAP SPEKULATOR DAPAT SOKONGAN

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

BANGKOK, 20 Sept (Bernama) -- Mesyuarat sulung Para Menteri Kewangan Asia Eropah (ASEM) yang tamat di sini semalam membincangkan dengan panjang lebar isu-isu dan cadangan untuk menangani kemungkinan kegawatan matawang di masa depan, dengan Malaysia mahukan "penyangak kewangan" dikawal rapi.

Mesyuarat menteri kewangan daripada 10 negara Asia dan 15 negara anggota Kesatuan Eropah itu bersetuju dengan cadangan Asia untuk meningkatkan kawal seliaan pasaran spekulasi mata wang dalam agenda mereka.

Ia, bagaimanapun, tidak bersetuju untuk melaksanakan langkah-langkah menentang "penyangak kewangan", di mana Timbalan Perdana Menteri Datuk Anwar Ibrahim mahu mereka diawasi dan dijauhkan daripada pasaran.

Mendahului dalam usaha untuk menangani kemungkinan krisis mata wang di masa akan datang, Malaysia mendesak kedua-dua mekanisme serantau dan sejagat berusaha melindungi diri mereka daripada spekulasi matawang.

Anwar berkata Malaysia akan mencadangkan mekanisme global bagi mengawal selia program pengliberalan kewangan yang dilaksanakan oleh ekonomi-ekonomi Asia untuk melindungi daripada serangan spekulator.

Malaysia percaya krisis kewangan serantau sebahagiannya berpunca daripada serangan spekulatif terhadap matawang serta ketiadaan rangka kerja kawal selia di peringkat serantau dan sejagat.

Anwar menggesa masyarakat antarabangsa bersama-sama bekerjasama mengawasi pasaran agar kebebasannya tidak disalahgunakan dan melindunginya daripada diperlakukan dengan sewenang-wenangnya oleh "penyangak kewangan".

Beliau juga turut mengulangi pendirian tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap spekulator matawang antarabangsa seperti jutawan Amerika Syarikat George Soros dan pengurus dana lindung nilai lain yang didakwa menjadi dalang dalam serangan ke atas matawang Asia Tenggara baru-baru ini.

Kerajaan-kerajaan dari negara Barat dan pertubuhan kewangan antarabangsa rata-ratanya berpendapat perlindungan terbaik terhadap serangan spekulasi matawang adalah menerusi pengurusan makro ekonomi yang mantap.

Cadangan Malaysia mendapat sambutan positif daripada beberapa negara Asia di mesyuarat di Bangkok itu tetapi kebanyakan peserta dari Kesatuan Eropah tidak memberikan reaksi mereka.

Malaysia akan mengemukakan cadangan itu untuk terus mendapat sokongan daripada persidangan tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa di Hong Kong minggu ini.

Anwar akan membangkitkan isu itu kepada pengarah IMF Michel Camdessus, dengan harapan IMF akan menjadi satu-satunya agensi penyeliaan kewangan antarabangsa yang akan mengawal selia rangka kerja bagi mekanisme itu.

Malaysia mahu mekanisme seperti itu kerana penyeliaan kawal selia yang sedia ada hanya terhad kepada sektor perbankan.

Malaysia mahu garis panduan seperti itu merangkumi bahagian-bahagian lain seperti dana lindung nilai yang terdedaj dan tidak dilindungi. --

BERNAMA

MFJ ZK MA